

# PANDUAN UMUM UNTUK PESARA KERAJAAN MALAYSIA

Kemaskini maklumat sehingga/setakat April 2018

Dengan Kerjasama



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM



# KANDUNGAN

Pengenalan	2
Apakah faedah dan kemudahan yang diberi kepada seseorang pesara?	3
Kad Pesara	4
Apakah potongan yang boleh dilakukan daripada faedah persaraan?	4
Bagaimanakah faedah dan kemudahan persaraan diberi?	4
Apakah keadaan-keadaan yang boleh menyebabkan terhentinya pencen?	6
Apakah keadaan yang boleh menyebabkan pencen ditarik balik?	6
Apakah faedah terbitan dan kemudahan yang diberi kepada tanggungan pegawai & pesara yang meninggal dunia?	6
Apakah kemudahan perubatan yang disediakan buat pesara?	8
Apakah tanggungjawab seseorang pesara atau penerima pencen terbitan?	13
Apakah kemudahan yang ada di Portal?	14
Aplikasi MyPesara	15
Alamat untuk rujukan, pertanyaan atau aduan	17

## Pengenalan

Buku panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada pegawai atau pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan atau Negeri, serta pekerja Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan mengenai pemberian faedah dan kemudahan persaraan. Buku ini juga menerangkan mengenai faedah dan kemudahan terbitan yang diberi kepada ahli keluarga tanggungan apabila seseorang pesara meninggal dunia.

Peraturan, Undang-Undang, Perintah Am, Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan, Surat Edaran serta borang urusan persaraan dan pencen boleh dirujuk di laman sesawang Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di [www.jpapencen.gov.my](http://www.jpapencen.gov.my). Bagi mendapatkan maklumat terkini yang berkaitan dengan isu-isu dan hal ehwal persaraan, mohon layari laman **facebook Bahagian Pasca Perkhidmatan**. Di samping itu, pejabat-pejabat Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam di Putrajaya, Cawangan Sabah, Cawangan Sarawak dan kaunter 1Serve di DBKL sentiasa bersedia membantu pesara dan ahli keluarga tanggungannya.

Mulai 1 November 2015, kerajaan telah melantik Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] sebagai ejen bagi pihak Kerajaan Malaysia. Tugasan yang dilaksanakan KWAP adalah merangkumi pengurusan dokumentasi fail persaraan, pengiraan faedah persaraan, bayaran faedah persaraan dan khidmat pelanggan. Walau bagaimanapun, hal yang berkaitan dasar berkaitan persaraan serta kelulusan faedah persaraan masih kekal diuruskan Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA.

## Apakah faedah dan kemudahan yang diberi kepada seseorang pesara?

Faedah persaraan yang akan diperolehi oleh pesara ialah :

### 1. Ganjaran Perkhidmatan (sekali gus);

Formula pengiraan ganjaran ialah seperti berikut :

$$7.5 \% \times \text{Jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasukkira} \times \text{Gaji Pokok Akhir}$$

### 2. Pencen Perkhidmatan (bulanan); dan

Formula pengiraan pencen untuk tempoh bulan perkhidmatan kurang dari 360 bulan seperti berikut:

$$1/600 \times \text{Jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasukkira} \times \text{Gaji Pokok Akhir}$$

Formula pengiraan pencen untuk tempoh bulan perkhidmatan genap/melebihi had maksima 360 bulan (30 tahun) seperti berikut:

$$3/5 \times \text{Gaji pokok akhir}$$

### 3. Award Wang Tunai sebagai Gantian Cuti Rehat (sekali gus).

Formula pengiraan untuk *award* wang tunai sebagai Gantian Cuti Rehat (GCR) adalah seperti berikut:

$$1/30 \times \text{Jumlah GCR (maksimum sebanyak 150 hari)} \times \text{Gaji pokok akhir} + \text{imbuhan tetap*}$$

\* Imbuhan Tetap adalah merangkumi:-

- Imbuhan Tetap Khidmat Awam.
- Imbuhan Tetap Keraian.
- Imbuhan Tetap Perumahan.
- Imbuhan Tetap Jawatan Utama/Khas.

## Kad Pesara

Kad Pesara merupakan dokumen pengenalan yang dikeluarkan oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA dan KWAP kepada pesara dan penerima pencen. Antara kemudahan yang diperolehi melalui kad ini adalah :

- untuk urusan perubatan dan caj wad percuma (bersamaan dengan kelayakan gred jawatan terakhir) di Hospital Kerajaan;
- diskaun tambang kereta api (tertakluk kepada tawaran dan kuota); dan
- sebagai kad diskaun 1Malaysia/kad integrasi rakan dagang perkongsian pintar di bawah NBOS6 berkuatkuasa mulai 21 Mac 2013 (sila rujuk laman web **1mdc.1pengguna.com**).

## Apakah potongan yang boleh dilakukan daripada faedah persaraan?

Caruman KWSP Syer Kerajaan	Cukai Pendapatan	Pinjaman Perumahan LPPSA	Hutang kerajaan yang disenaraikan di dalam Surat Akaun Berhutang (SAB) – pinjaman komputer, pinjaman kenderaan, emolumen terlebih bayar
Tuntutan nafkah atas perintah mahkamah	Arahan Jabatan Insolvensi (bagi kes bankrap)		

## Bagaimanakah faedah dan kemudahan persaraan diberi?

1. Ganjaran dan Gantian Cuti Rehat dibayar sekali gus.
2. Pencen dibayar secara berkala (iaitu setiap bulan) melalui akaun bank mengikut skim berikut:

### a. Skim A

- i. Bayaran secara automatik setiap bulan ke dalam akaun bank persendirian sama ada akaun simpanan atau akaun semasa.
- ii. Pesara mempunyai pasangan yang dikahwini dalam perkhidmatan (iaitu pasangan yang layak diberi pencen terbitan selepas kematian pesara).

### b. Skim B

- i. pesara/penerima pencen tunggal (bujang/duda/janda/balu) dan TIADA pihak lain yang akan menerima pencen terbitan selepas itu.
- ii. Penerima pencen yang uzur, OKU atau anak bawah umur 12 tahun.
- iii. Bayaran secara pengkreditan ke dalam akaun bank setiap bulan kepada pesara atau penerima pencen. Walau bagaimanapun, penerima perlu menandatangani borang tuntutan pencen di mana-mana cawangan bank sebelum duit pencen tersebut dikreditkan ke akaun.
- iv. Bagi pesara/penerima pencen yang tidak berupaya untuk hadir ke bank pada setiap bulan, Wakil Diri boleh dilantik dengan menggunakan Borang **JPA.BP.SKP.B07**: "Pelantikan Wakil Diri Untuk Pesara atau Penerima Pencen" dan Borang **JPA.BP.SPT.B06**: "Maklumat Akaun Bank Penerima Pencen" (dibenarkan penggunaan akaun perseorangan atau akaun bersama).

**c. Skim A Berwakil** (dengan permohonan)

- i. pesara/penerima pencen tunggal (bujang/duda/janda/balu) dan TIADA pihak lain yang akan menerima pencen terbitan selepas itu.
- ii. Pesara/penerima pencen terbitan boleh membuat penukaran cara bayaran pencen dari Skim B kepada Skim A Berwakil (Pengkreditan Automatik Ke Bank) dengan syarat melantik Wakil Diri dengan menggunakan Borang **JPA.BP.SKP.B08**: "Permohonan Perlantikan Wakil Skim A" (hanya akaun perseorangan sahaja dibenarkan).

3. Pembayaran Pencen di luar negara adalah melalui:

- a. Wisma Putra;
- b. Ejen bank;
- c. *Telegraphic Transfer* bagi pesara yang bermastautin di Singapura dan Australia; atau
- d. Perbendaharaan Sri Lanka.

4. Pembayaran bagi pesara di pedalaman Sarawak dan Sabah.

Bagi pesara-pesara kerajaan yang menetap di luar bandar atau jauh di pedalaman di mana tiada perkhidmatan perbankan yang berdekatan, Bahagian Pasca Perkhidmatan membuat pembayaran secara waran yang dicetak untuk 12 bulan sekali dan diposkan kepada pesara luar bandar. Pada tarikh pembayaran pencen, waran pencen bulanan tersebut boleh ditunaikan di pejabat daerah berdekatan yang terdapat di kawasan luar bandar.

**Apakah keadaan-keadaan yang boleh menyebabkan terhentinya pencen?**

- a. Pesara **yang telah disahkan** melepaskan kewarganegaraan Malaysia miliknya atau menukar status kewarganegaraannya.
- b. Pesara **dihukum mati atau penjara** oleh suatu mahkamah. Pencen diberi semula dengan kuat kuasa kebelakangan kepada pesara yang mendapat pengampunan.


**Nota:** Bagi kes pesara lelaki yang dihukum penjara oleh Mahkamah, pencen yang dihentikan boleh digantikan dengan elaun tanggungan (yang nilainya tidak melebihi kadar pencen asal) tertakluk kepada pertimbangan. Elaun tanggungan ini diberi hanya untuk isteri dan anak, semasa pesara menjalani hukuman penjara dan untuk pesara sendiri selepas beliau tamat tempoh hukuman.

**Apakah keadaan yang boleh menyebabkan pencen ditarik balik?**

Sekiranya pemberian pencen adalah akibat dari tidak mengetahui mengenai fakta atau (ada pihak) sengaja menyembunyikan fakta-fakta matan atau memberikan maklumat palsu yang sepatutnya menjadi sebab-sebab yang mencukupi untuk dibuang kerja atau turun gaji pegawai itu (pesara yang menerima pencen).


**Apakah faedah terbitan dan pecahan syer yang diberi kepada tanggungan pegawai atau pesara yang meninggal dunia?**

- a. Pemberian Pencen Terbitan kepada balu atau duda yang dikahwini gemulah semasa gemulah masih berkhidmat dan juga kepada anak kandung gemulah hasil perkahwinan tersebut:-
  - i. untuk balu atau duda, pemberian pencen terbitan adalah seumur hidup walaupun berkahwin semula;
  - ii. untuk anak, selagi tidak berkahwin, pemberian pencen terbitan adalah sehingga mencapai umur 21 tahun atau sehingga tamat pelajaran di peringkat ijazah pertama di institusi pengajian tinggi, yang mana terkemudian; dan
  - iii. pemberian pencen terbitan seumur hidup bagi anak yang cacat otak atau hilang upaya jasmani secara kekal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri.





- b. Pemberian Ex-Gratia Terbitan secara sekaligus kepada ibu atau bapa anggota berpencen yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan tanpa meninggalkan balu/duda atau anak.
- c. Pemberian Bantuan Mengurus Jenazah (BMJ) sebanyak RM3,000 kepada tanggungan pegawai atau pesara.



**Nota:**

1. Syer penuh akan diberikan kepada balu/duda dan anak sekiranya ibu atau bapa gemulah telah meninggal dunia.
2. Sekiranya balu/duda/anak/ibu/bapa gemulah telah meninggal dunia, maka faedah terbitan bagi kes kematian dalam perkhidmatan ini boleh dituntut oleh wakil diri yang sah di sisi undang-undang (pengesahan mahkamah).

### **Apakah kemudahan perubatan yang disediakan kepada pesara?**

Perintah Am Bab F (Perubatan) Tahun 1974 menetapkan bahawa pegawai dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen serta ahli keluarga mereka yang berkelayakan adalah layak diberi kemudahan perubatan percuma di hospital/klinik Kerajaan.

### **Kelayakan bagi pesara dan tanggungan yang layak adalah seperti berikut:**

1. Pesara Awam Persekutuan
2. Suami/ Isteri
3. Balu/ Duda (dianggap keluarga pesara selagi tidak berkahwin semula)
4. Anak:
  - i. berumur di bawah 18 tahun; atau
  - ii. sekiranya masih bersekolah, di bawah umur 21 tahun; atau
  - iii. anak yang daif disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani dan tidak berupaya menanggung diri sendiri, tidak kira apa jua umurnya dengan syarat kecacatan tersebut dialami sebelum anak itu mencapai umur 21 tahun.


Kemudahan perubatan yang diperuntukkan adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 – Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan dan di antara kemudahan yang dibenarkan adalah pembekalan ubat dan alat perubatan serta kemudahan rawatan penyakit buah pinggang.

### **Pemanjangan kemudahan perubatan untuk ibu bapa yang sah kepada pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berpencen**

Mulai 1 Januari 2018, ibu bapa pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berpencen layak untuk menikmati kemudahan perubatan percuma di hospital kerajaan. Pemberian ini juga turut layak dinikmati oleh ibu bapa pegawai Awam Persekutuan yang meninggal dunia di dalam perkhidmatan. Kelayakan ibu bapa pesara untuk menikmati kemudahan perubatan percuma ini adalah seumur hidup.

Pesara perlu mengemukakan permohonan untuk mendapatkan Surat Pengesahan Diri dan Pengakuan Pesara sebelum kemudahan ini dapat dinikmati.

## Prosedur permohonan surat pengesahan ibu bapa yang sah kepada pesara bagi mendapatkan kemudahan perubatan percuma



Prosedur permohonan surat pengesahan ibu bapa yang sah kepada pesara yang berpencen

### Tafsiran Ibu bapa yang sah kepada pesara adalah seperti berikut:

1. **Ibu kandung/ bapa kandung;** atau
2. **Ibu tiri/ bapa tiri;** atau
3. **Ibu angkat/ bapa angkat** yang pertalian kekeluargaan adalah sah di sisi undang-undang.

Maklumat tambahan:

- a. Kemudahan ini dihadkan kepada seorang ibu yang sah dan seorang bapa yang sah sahaja pada satu-satu masa;
- b. Ibu bapa yang sah yang merupakan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berpencen boleh memilih untuk menggunakan kemudahan rawatan perubatan mengikut kelayakannya sebagai seorang pesara yang berpencen atau menggunakan kelayakannya sebagai ibu bapa pesara yang berpencen;
- c. Kemudahan perubatan yang terdapat di hospital/ klinik Kerajaan dan Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB) - tertakluk di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 - Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan dan pindaan dari semasa ke semasa; dan
- d. Kelayakan wad ibu bapa - berdasarkan kelayakan yang ditetapkan kepada pesara yang berpencen.


Kemudahan perubatan bagi ibu bapa pesara berpencen **ADALAH TIDAK MELIPUTI:**

- a. Rawatan perubatan di luar negeri;
- b. Rawatan bagi tujuan pencegahan penyakit;
- c. Pembekalan semua jenis kategori/ alat; serta
- d. Rawatan membuat *crowning*, gigi palsu dan rawatan ortodontik bagi tujuan *corrective measure* yang merupakan rawatan kosmetik.

**Prosedur dan pembahagian tanggungjawab mengenai tuntutan perubatan pesara Awam Persekutuan dan tanggungan yang layak**


<b>Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)</b>	<b>Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)</b>	<b>Hospital-Hospital Universiti di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)</b>	<b>Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV)</b>
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tuntutan bayaran balik ubat, alat perubatan dan rawatan (selain rawatan dialisis) yang dipreskrib oleh PPK (resit bertarikh sebelum 01/06/2017)</li> <li>2. Tuntutan bayaran balik rawatan dialisis oleh pesara</li> <li>3. Tuntutan bayaran balik oleh panel dialisis (hemodialysis/ peritoneal dialysis)</li> <li>4. Pembayaran balik rawatan kecemasan di hospital swasta</li> <li>5. Tuntutan perjalanan pesara ke hospital Kerajaan berpakar yang dirujuk</li> <li>6. Tuntutan perjalanan pesara ke mahkamah (sapina)</li> <li>7. Permohonan surat pembiayaan rawatan dialisis (GL)</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tuntutan bayaran balik ubat, alat perubatan dan rawatan (selain rawatan dialisis) yang dipreskrib oleh Pakar Perubatan Kerajaan (PPK) hospital Kerajaan di bawah KKM (resit bertarikh pada dan selepas 01/06/2017)</li> <li>2. Kelulusan tuntutan bayaran balik rawatan kecemasan di hospital swasta</li> <li>3. Tuntutan rawatan di luar negeri</li> <li>4. Bayaran balik kepada IJNSB bagi pesara Badan Berkanun yang telah dimansuhkan atau dibubarkan dan telah disandarkan kepada JPA</li> <li>5. Permohonan pelantikan panel dialisis</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tuntutan bayaran balik ubat, alat perubatan dan rawatan (selain rawatan dialisis) yang dipreskrib oleh PPK hospital Kerajaan di bawah KPT (resit bertarikh pada dan selepas 01/06/2017):               <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)</li> <li>ii. Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM)</li> <li>iii. Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)</li> <li>iv. Hospital Universiti Teknologi Mara (HuiTM)</li> <li>v. Hospital Universiti Islam Antarabangsa (IIUMMC)</li> </ol> </li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tuntutan bayaran balik ubat, alat perubatan dan rawatan (selain rawatan dialisis) yang dipreskrib oleh Pakar Perubatan Kerajaan Hospital Angkatan Tentera Malaysia (resit bertarikh pada dan selepas 01/06/2017)</li> </ol>

### Carta alir pembekalan ubat kepada Pesara Awam Persekutuan dan tanggungan yang layak



Dipetik daripada Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 11/2017, Garis Panduan Pelaksanaan Kaedah Pembiayaan Bekalan Ubat dan Alat Kepada Pesara di Fasiliti Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (No. Ruj: KKM.400-5/1/7 Jld. 7 (55) bertarikh 30 Jun 2017).

## Carta alir permohonan perbelanjaan kepada Pesara Awam Persekutuan dan tanggungan yang layak



Dipetik daripada Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 11/2017, Garis Panduan Pelaksanaan Kaedah Pembiayaan Bekalan Ubat dan Alat Kepada Pesara di Fasiliti Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (No. Ruj: KKM.400-5/1/7 Jld. 7 (55) bertarikh 30 Jun 2017)

## Apakah tanggungjawab seseorang pesara atau penerima pencen?

Pesara atau penerima pencen terbitan perlu memaklumkan Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA atau KWAP mengenai sebarang perubahan maklumat seperti di bawah. Pemakluman boleh dibuat melalui surat pemakluman/permohonan atau dengan melengkapkan borang berkaitan yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang [www.jpapencen.gov.my](http://www.jpapencen.gov.my) atau [www.kwap.gov.my](http://www.kwap.gov.my). Permohonan boleh dikemukakan secara pos, melalui kaunter perkhidmatan atau secara emel kepada [mypesara@kwap.gov.my](mailto:mypesara@kwap.gov.my)

Perkara	Tindakan
a. Kemaskini Maklumat (pertukaran alamat atau akaun bank) atau Gantian Kad Pesara	Lengkapkan Borang <b>JPA.BP.UMUM.B05</b> dan sertakan salinan maklumat akaun bank baharu)
b. Bermastautin Di Luar Negara	Lengkapkan borang: 1. "Pengakuan Pesara Bermastautin Di Luar Malaysia Di bawah Undang-Undang Pencen" ( <b>JPA.BP.SKP.B04</b> ); dan 2. "Photograph, Thumb Impressions and Specimen Signature Of Malaysia Government Pension Recipient" ( <b>JPA.BP.SKP.B06</b> )
c. Perkahwinan Selepas Bersara	Kemukakan salinan sijil nikah atau dokumen pendaftaran perkahwinan
d. Perceraian	Kemukakan salinan dokumen perceraian
e. Anak kandung, anak tiri atau anak angkat selepas bersara	Kemukakan salinan sijil kelahiran (serta dokumen pendaftaran pengangkatan, sekiranya berkenaan)
f. Dikenakan Hukuman Mati Atau Penjara	Kemukakan salinan keputusan hukuman
g. Dihukum Bankrap	Kemukakan salinan perintah kebangkrapan serta arahan Jabatan Insolvensi Malaysia
h. Pelepasan Daripada Kebankrapan	Kemukakan salinan perintah pelepasan kebangkrapan serta arahan Jabatan Insolvensi Malaysia
i. Perkahwinan (anak)	Kemukakan salinan sijil nikah atau dokumen pendaftaran perkahwinan

**Nota:** Pastikan setiap surat atau borang:

- i. disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Penghulu, Penggawa, Ketua Kampung, Ketua Komuniti, Guru Besar atau mana-mana pegawai/Ketua Pejabat Kerajaan atau Ketua Anak Negeri;
- ii. dicatatkan nama penuh pesara atau penerima pencen, nombor kad pengenalan dan sekiranya ada, nombor akaun pencen. Sekiranya boleh, catatkan nombor telefon; dan
- iii. dihantar secara pos berdaftar atau pos ekspres/kurier.

Aplikasi atas talian yang terdapat di laman sesawang Bahagian Pasca Perkhidmatan ([www.jpapencen.gov.my](http://www.jpapencen.gov.my)) adalah seperti di bawah. Aplikasi ini turut boleh dicapai melalui laman sesawang KWAP ([www.kwap.gov.my](http://www.kwap.gov.my))

1. Semakan Status Permohonan Persaraan;
2. Cetakan Surat Persaraan Pilihan;
3. Semakan Pemberian Taraf Berpencen;
4. Semakan Kelulusan Faedah Persaraan;
5. Semakan Penyata Pencen;
6. Pemakluman Bayaran Ganjaran;
7. Bantuan Mengurus Jenazah;
8. Semak Pindaan Potongan;
9. Cetakan Surat Kelulusan Skim A Berwakil;
10. Sistem Maklum Balas;
11. Surat Akuan Pesara;
12. Kelulusan Pelantikan Wakil Diri;
13. Status Permohonan Tuntutan Perubatan; dan
14. Status Permohonan Pencen Terbitan (Mati Dalam Persaraan).

### MyPortal

**MyPortal** [www.jpapencen.gov.my](http://www.jpapencen.gov.my)

### Apakah kemudahan yang ada di Portal?

1. Meningkatkan kefahaman orang ramai terhadap Skim Pencen Sektor Awam di Malaysia;
2. Memudahkan dan meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada para pelanggan;
3. Rujukan bagi bakal pesara, pesara, waris atau pegawai di Jabatan Mengurus dan orang ramai; dan
4. Memudahkan bakal pesara dan pesara memuat turun borang-borang berkaitan persaraan.



## Aplikasi MyPesara







### Apakah kemudahan yang ada pada aplikasi MyPesara?

Aplikasi pintar yang dibangunkan bertujuan memberi kemudahan kepada semua pesara/penerima pencen / waris pesara sektor awam seperti:

1. Menyemak maklumat persaraan.
2. Informasi berkaitan faedah persaraan, tips pengurusan kewangan dan kesihatan.
3. Tetapkan temujanji dan hubungi kami melalui aplikasi ini.
4. Pengumuman terkini mengenai aktiviti untuk pesara.
5. Kalendar tarikh pembayaran pencen.

### Cara untuk memuat turun aplikasi


1. Lancarkan  (Android) /  (iOS) di telefon pintar / alat mudah alih.
2. Buat carian aplikasi  MyPesara
3. Klik *Install* / Muat Turun.
4. Tunggu sehingga selesai muat turun.
5. Klik ikon  MyPesara untuk melancarkan aplikasi.

**Nota:** akses kepada aplikasi MyPesara memerlukan penggunaan data mudah alih.

## Ringkasan Skim Pencen Sektor Awam

### Carta Tempoh Perkhidmatan, Persaraan, dan Kematian Dalam Persaraan Anggota Sektor Awam Dalam Konteks Skim Faedah Persaraan dan Terbitan Akta 227, 238, dan 239

FAEDAH-FAEDAH PERSARAAN	
A. Ganjaran (sekaligus)	7.5 x t.p (bulan) x RM gaji pokok terakhir
B. Pencen (bulanan) seumur hidup	1/600 x t.p (bulan) x RM gaji pokok terakhir (pencen maksimum 3/5 gaji akhir)
C. GCR (sekaligus)	1/30 x hari cuti rehat terkumpul (maksimum 150 hari) x RM emolumen (gaji pokok terakhir + imbuhan tetap)
D. Kemudahan rawatan dan perubatan percuma seumur hidup untuk pesara 7 suami / isteri (anak-anak bawah 18 tahun)	



#### NOTA:

1. "GCR" - Wang Tunai Sebagai Gantikan Cuti Rehat
2. "t,p" - Tempoh perkhidmatan (bulan) yang dimasukkan bagi perhitungan faedah persaraan
3. "BBKT" - Pihak Berkuasa Berkanun Tempatan
4. "KWAP" - Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
5. "KWSP" - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

**B** hingga **G** adalah penjelasan bagi yang memilih skim Pencen sahaja. Anggota yang memilih skim KWSP akan tertakluk kepada caruman KWSP sepanjang tempoh perkhidmatan dan diberi jumlah caruman dan faedah baginya mengikut undang-undang KWSP sebagai faedah persaraan.


Sekiranya anggota meninggal dunia dalam perkhidmatan (di dalam rajah di atas), faedah-faedah persaraan diganti dengan faedah-faedah terbitan.

**Rujukan untuk mendapatkan maklumat, pertanyaan atau aduan mengenai hal ehwal persaraan dan faedah-faedah persaraan dan faedah terbitan?**

<p><b>Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia</b> <b>Bahagian Pasca Perkhidmatan</b> Aras 5, Blok C2, Kompleks C Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62510 Wilayah Persekutuan, Putrajaya.</p> <p>Tel : 03-8000 8000 (atau sila rujuk direktori JPA secara online)</p> <p>Faks : 03-8888 4028/03-8889 2196</p> <p>URL : <a href="http://www.jpapencen.gov.my">www.jpapencen.gov.my</a></p> <p>Facebook : Bahagian Pasca Perkhidmatan</p>	<p><b>Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)</b> <b>Jabatan Perkhidmatan Persaraan</b> Aras 2, Skytech Tower 2, MKN Embassy Techzone, Jalan Technokrat 2, Cyber 4 63000 Cyberjaya, Selangor.</p> <p>Tel : 03-8887 8777 (atau sila rujuk direktori JPA secara online)</p> <p>Faks : 03-8887 8770</p> <p>URL : <a href="http://www.kwap.gov.my/MY/Pension Services">www.kwap.gov.my/MY/Pension Services</a></p> <p>E-mel : <a href="mailto:mypesara@kwap.gov.my">mypesara@kwap.gov.my</a></p>
<p><b>Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia</b> <b>Bahagian Pasca Perkhidmatan, Cawangan Sabah</b> Aras 1, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Jalan UMS - Sulaman, Likas, Peti Surat No. 2061 88450 Kota Kinabalu, Sabah.</p> <p>Tel : 088-488 661/088-488 662/088-488 663</p> <p>Faks : 088-488 664/088-488 665</p>	<p><b>Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia</b> <b>Bahagian Pasca Perkhidmatan,</b> <b>Cawangan Sarawak</b> Tingkat 1, Bangunan Marzuki, Lot 1656, Seksyen 65 Jalan Tun Dato' Patinggi Hj. Abdul Rahman Yaakub, Petrajaya 93050 Kuching, Sarawak.</p> <p>Tel : 082-251 818/082-241 144</p> <p>Faks : 082-250 126</p>







**Menjamin Persaraan Anda**